

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
(KOTA KINABALU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.10.2017

Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [KOTA KINABALU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah royalti dan duti eksport yang dikutip dari minyak dan gas yang diperoleh di Sabah pada 2011-2016.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan royalti petroleum yang telah diperuntukkan kepada Kerajaan Negeri Sabah bagi tempoh 2011 hingga 2016 adalah sebanyak RM3.698 bilion, manakala jumlah duti eksport yang telah dikutip daripada hasil minyak dan gas yang diperoleh di Sabah bagi tempoh yang sama

adalah sebanyak RM1.606 bilion.